

23 SEP 2002

Kelantan-Bonus

KAKITANGAN KERAJAAN KELANTAN AKAN JUGA DAPAT BONUS

KOTA BAHARU, 23 Sept (Bernama) -- Sebanyak 5,000 kakitangan kerajaan Kelantan akan menerima bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 seperti yang akan dinikmati oleh kakitangan awam persekutuan.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman, berkata kerajaan negeri tidak mempunyai masalah memberi bonus itu dan sentiasa mengikut langkah kerajaan pusat daripada segi pembayaran ganjaran itu.

"Kerajaan negeri akan membelanjakan RM17 juta bagi memberi bonus kepada kakitangan kerajaan yang berkhidmat di bawah kerajaan negeri nanti," katanya kepada pemberita selepas melepaskan peserta Kembara Bahasa 2002 Wilayah Timur anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini hari ini.

Bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 untuk kakitangan awam diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat pada Jumaat lepas.

Abdul Halim berkata tiada sebab kerajaan Kelantan tidak boleh membayar bonus itu kerana kerajaan negeri berkemampuan untuk berbuat demikian.

Terdapat kira-kira 45,000 kakitangan kerajaan yang berkhidmat di Kelantan iaitu 40,000 dalam agensi kerajaan pusat dan selebihnya bersama agensi kerajaan negeri.

Mengenai tambahan cuti dari tiga hari kepada tujuh hari untuk kakitangan awam yang isterinya bersalin, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2003 itu, Abdul Halim berkata kerajaan Kelantan perlu mengkaji dahulu sebelum melaksanakannya.

"Ini kerana apa yang berlaku kepada mereka yang bekerja di Kuala Lumpur tak sama dengan di Kelantan dari segi tempoh masa bekerja," katanya.

Abdul Halim, yang baru pulang dari lawatan kerja ke Sabah dan Sarawak, berkata beliau tertarik dengan projek tebus guna tanah di kedua-dua negeri itu, yang boleh dilakukan di Kelantan untuk menyelesaikan masalah tanah terbiar.

"Kedua-dua negeri itu menggunakan pihak swasta untuk melaksanakan kerja tebus guna tanah itu untuk dibina hotel, pusat perangan dan kilang," katanya.

-- BERNAMA

ZI BD MAI